



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



**SURAT PEKELILING JPS Bil 2/2010
(Pindaan kepada SP JPS Bil. 1/2007)**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)**

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan beberapa pindaan kepada Garis Panduan Pengurusan Wang Peruntukan Sementara (WPS) yang telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling JPS Bil 1/2007 bertarikh 29 Januari 2007.

2.0 LATAR BELAKANG

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 bertarikh 24 Februari 2009 berkenaan perubahan had nilai dan tatacara pengurusan perolehan secara sebutharga di mana had nilai tersebut dinaikkan daripada RM200,000.00 kepada RM500,000.00. Arahan Perbendaharaan (AP) 202.2 pula telah mengubah Had Nilai Perubahan dan Pihak Berkuasa Melulus Arahan Perubahan Kerja yang telah dikuatkuasakan sebagai Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga Setiap Item WPS.

Oleh yang demikian, Garis Panduan Pengurusan WPS yang baru perlu dikeluarkan sejajar dengan perubahan yang dikuatkuasakan SPP Bil. 5/2009 dan AP 202.2 tersebut. Garis panduan yang baru ini juga akan menguatkuasakan beberapa pindaan kepada prosidur sedia ada setelah beberapa kelemahan dikenalpasti sepanjang pelaksanaan Pengurusan WPS berdasarkan SP JPS Bil. 1/2007 berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima daripada Bahagian-bahagian dan JPS Negeri.

3.0 PINDAAN/TAMBAHAN

Pindaan/tambahan yang dibuat adalah seperti berikut:-

- 3.1 Format borang permohonan Item WPS diperkemaskan (Borang E dan Borang F).
- 3.2 Format Lampiran Butir-butir Harga yang Ditawarkan (Bagi Kategori Biasa) diperkemaskan (Lampiran F-1).
- 3.3 Membuat perubahan kepada pihak berkuasa meluluskan pelaksanaan perbelanjaan WPS yang dijangkakan melebihi 30% daripada peruntukan seperti berikut:-

Bil	Peratus (%) Perbezaan Berbanding Dengan Peruntukan Di dalam Kontrak	Pihak Berkuasa
1.	Melebihi 30% sehingga 50%	Pengarah Bahagian berkaitan
2.	Melebihi 50% sehingga 100%	Timbalan Ketua Pengarah
3.	Melebihi 100%	Ketua Pengarah

Walaupun bagaimanapun, bagi **tambahan** nilai kerja WPS yang tidak melebihi RM100,000.00, projek-projek yang Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P.) atau Wakil P.P.nya bergred J54 ke atas dibenarkan untuk melaksanakan perolehan menggunakan WPS tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan pihak yang berkuasa ini walaupun nilai kerja yang akan dilaksanakan melebihi 30% daripada peruntukan di dalam kontrak.

- 3.4 Menetapkan **had kuasa** Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga yang diperakukan bagi melaksanakan perbelanjaan untuk setiap item WPS seperti berikut :

Bil.	Harga Yang Diperakukan	Pihak Yang Meluluskan
1.	Tidak melebihi RM200 ribu	*Jawatankuasa dipengerusikan oleh Wakil Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P.)
2.	Tidak melebihi RM1 juta	** Jawatankuasa APK Peringkat P.P. yang mana P.P. adalah Pengarah Negeri/ Jurutera Projek / Ketua Jurutera
3.	Tidak melebihi RM1.5 juta	** Jawatankuasa APK Peringkat P.P. yang mana P.P. adalah Pengarah Bahagian
4.	Tidak melebihi RM3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Timbalan Ketua Pengarah (TKP)
5.	Melebihi RM3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Ketua Pengarah (KP)

* Wakil P.P. mestilah bergred J54 ke atas dengan 2 ahli jawatankuasa bergred sekurang-kurangnya J41. Wakil P.P. juga perlu diberikuasa oleh P.P. untuk melaksanakan klausa berkaitan dengan WPS.

** Sekiranya P.P. adalah KP/TKP, permohonan hendaklah dimajukan terus kepada JK APK peringkat TKP.

- 3.5 Menaikkan had nilai item WPS yang diuruskan secara sebutharga daripada RM200,000.00 kepada RM500,000.00.


- 3.6 Prosidur pelantikan perunding yang menggunakan peruntukan WPS hendaklah mengikut peraturan semasa Jabatan yang berkuat kuasa kecuali bagi pihak berkuasa melulus pelantikan adalah Jawatankuasa mengikut had seperti di para 3.4.
- 3.7 Memaklumkan penggunaan Borang JKR-PHK untuk melaraskan harga kontrak setelah kerja-kerja WPS dimuktamadkan.
- 3.8 Carta Aliran Pelaksanaan WPS digantikan dengan carta aliran baru untuk mengambilkira pindaan-pindaan yang dibuat.

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMBATALAN

- 4.1 Berdasarkan kepada pindaan/tambahan di atas, satu [garis panduan](#) yang baru telah disediakan untuk menggantikan garis panduan sedia ada dalam SP JPS Bil. 1/2007.
- 4.2 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Surat Pekeliling JPS Bil 1/2007 bertarikh 29 Januari 2007 termasuk garis panduan adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”


(DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Tarikh: 19 Mac 2010